



MAKLUMAN UNTUK DIHEBAHKAN DALAM LAMAN WEB JPK

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN BAYARAN FI PENTAULIAHAN DAN PENDAFTARAN PELATIH PUSAT BERTAULIAH (PB SLaPB), PENDAFTARAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA MELALUI KAEDAH PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT) SERTA PEMBELIAN NOSS BERMULA 1 JULAI 2020

Ruj : JPK/700/5 Jld 41 (21)

Tarikh : 26 Jun 2020

Salam Kemahiran,

Adalah dimaklumkan bahawa mulai 1 Julai 2020, bayaran bagi urusan pentaualihan dan pendaftaran pelatih Pusat Bertauliah (PB SLaPB), pendaftaran PPT serta pembelian NOSS boleh dibuat secara atas talian (*Online Payment*). Bentuk bayaran sedia ada melalui Pesanan Tempatan, Bank Deraf dan Kiriman Wang kepada Jabatan masih dibenarkan. Bagi tujuan tersebut, pemohon perlu memilih satu medium bayaran sahaja pada satu-satu masa seperti Jadual 1.

Jadual 1 : Kaedah Bayaran Bagi Pentaualihan, Pendaftaran Pelatih, Pendaftaran PPT dan Pembelian NOSS

Bil	Urusan / Bentuk Bayaran	Bayaran Secara Atas Talian (<i>Online Payment</i>)	Pesanan Tempatan	Bank Deraf	Kiriman Wang
1	Pentaualihan	Bayaran hanya untuk satu (1) kategori permohonan dan melibatkan satu transaksi sahaja pada satu-satu masa.	Pesanan Tempatan / Bank Deraf / Kiriman Wang yang sama boleh digunakan untuk satu (1) atau lebih kategori permohonan pentaualihan.		
2	Pendaftaran Pelatih	i. Bayaran perlu dibuat hanya untuk satu (1) kumpulan pelatih dan melibatkan satu transaksi sahaja pada satu-satu masa. ii. Proses bayaran ditunjukkan di Rajah 1 .	i. Pesanan Tempatan / Bank Deraf / Kiriman Wang yang sama boleh digunakan untuk satu (1) kumpulan pelatih atau lebih. ii. Proses bayaran ditunjukkan di Rajah 1 .		
3	Pendaftaran PPT	i. Bayaran hanya untuk satu (1) permohonan dan melibatkan satu transaksi sahaja pada satu-satu masa. ii. Proses bayaran ditunjukkan di Rajah 2 .	i. Pesanan Tempatan / Bank Deraf / Kiriman Wang yang sama boleh digunakan untuk satu (1) atau lebih permohonan. ii. Proses bayaran ditunjukkan di Rajah 2 .		
4	Pembelian NOSS	Bayaran untuk satu (1) transaksi boleh digunakan untuk satu (1) atau lebih bilangan NOSS.	Pesanan Tempatan/ Bank Deraf / Kiriman Wang yang sama boleh digunakan untuk satu (1) atau lebih bilangan NOSS.		

Ruj kami : JPK/700/5 Jld 41 (21)

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN BAYARAN FI PENTAULIAHAN DAN PENDAFTARAN PELATIH PUSAT BERTAULIAH (PB SLaPB), PENDAFTARAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA MELALUI KAEDAH PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT) SERTA PEMBELIAN NOSS BERMULA 1 JULAI 2020

Sehubungan itu, pemakluman pelaksanaan bayaran pentauliahan dan pendaftaran pelatih bermula 1 Julai 2020 No Ruj : JPK/700/5 Jld 41 (17) bertarikh 16 Jun 2020 adalah terbatal.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja dan Cabaran Budaya Norma Baharu"

**Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran,
Kementerian Sumber Manusia**